



19 JUN, 2025

Masa depan tenaga negara

Sinar Harian, Malaysia



Masa depan tenaga negara



DR ANIS YUSAL YUSOFF

Tenaga bukan sekadar soal bekalan elektrik atau harga minyak di pam petrol. Ia nadi kemajuan negara dan kehidupan seharian kita.

Namun, ramai dalam kalangan rakyat masih belum memahami betapa gentingnya isu tenaga sedang kita hadapi hari ini – bukan sahaja dari segi bekalan tetapi juga dari segi kelestarian dan keadilan generasi.

Malaysia seperti kebanyakan negara lain masih terlalu bergantung kepada sumber tenaga fosil – arang batu, gas asli dan petroleum. Hampir 90 peratus tenaga elektrik negara kita dijana daripada sumber tersebut. Sumber fosil itu bukan sahaja terhad, malah memberi kesan besar kepada alam sekitar.

Apa akan berlaku jika kita terus bergantung kepada tenaga fosil? Pertama, harga tenaga akan menjadi semakin tidak stabil. Apabila sumber semakin berkurangan, kosnya akan meningkat. Itu bermakna bil elektrik, kos pengangkutan dan harga barang keperluan juga akan naik.

Kedua, kita akan terus menyumbang

kepada kemusnahan alam – banjir, kemarau, pencemaran udara dan pelbagai bencana alam lain. Lebih membimbangkan, kesannya kepada generasi akan datang. Jika kita tidak bertindak sekarang, anak cucu kita akan menanggung beban daripada keputusan kita hari ini. Mereka akan mewarisi dunia yang lebih panas, lebih tercemar dan lebih sukar untuk didiami.

Justeru, peralihan kepada tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy*) bukan lagi satu pilihan tetapi satu keperluan. Malaysia mempunyai potensi besar dalam tenaga suria, biojisim dan hidro kecil. Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah dasar termasuk Rangka Tindakan Peralihan Tenaga Negara (NETR) – tetapi kejayaan sebenar terletak pada sokongan dan penglibatan rakyat.

Apa peranan kita sebagai rakyat? Pertama, kita perlu celik tenaga. Fahami dari mana datangnya tenaga kita guna dan apa kesannya. Mulakan dengan langkah kecil – matikan suis apabila tidak digunakan, guna lampu LED, pasang panel solar jika mampu dan sokong produk serta perniagaan yang mesra alam.

Kedua, kita perlu menjadi suara perubahan. Galakkan perbincangan di tempat kerja, komuniti dan keluarga tentang kepentingan tenaga bersih. Gunakan media sosial untuk menyebarkan maklumat tepat dan membina kesedaran.

“

Kita perlu menjadi suara perubahan. Galakkan perbincangan di tempat kerja, komuniti dan keluarga tentang kepentingan tenaga bersih.”

Ketiga, sebagai pengguna, kita ada kuasa. Pilih untuk menyokong polisi dan pemimpin yang berani meletakkan kelestarian sebagai agenda utama. Kita tidak boleh lagi melihat isu tenaga sebagai isu teknikal semata-mata, ia isu pembangunan manusia, keadilan sosial dan kelangsungan hidup.

Akhirnya, semua rakyat Malaysia perlu melihat diri kita bukan sekadar sebagai pengguna tenaga tetapi penjaga masa depan. Perubahan bermula daripada diri kita dan masa untuk bertindak adalah sekarang.

Apa akan berlaku sekiranya kita tidak bertindak segera dan terus leka? Menurut laporan Panel Antara Kerajaan Mengenai Perubahan Iklim (IPCC), kita hanya mempunyai sekitar lima hingga 10 tahun untuk mengurangkan pelepasan karbon secara drastik sebelum kesan perubahan iklim menjadi tidak dapat dipulihkan.

Itu bermakna menjelang 2035, kita

boleh menjangka peningkatan suhu global melebihi 1.5 darjah Celsius – satu ambang kritikal yang akan mencetuskan bencana besar seperti kenaikan paras laut hingga menenggelamkan kawasan pesisir, cuaca ekstrem dan krisis air serta makanan.

Bayangkan negeri di Malaysia seperti Kelantan, Terengganu atau Sabah yang banyak bergantung kepada hasil pertanian serta perikanan akan menerima kesan langsung. Kota-kota besar pula bakal berdepan gelombang haba, pencemaran udara lebih serius dan sistem tenaga yang tidak mampu menampung permintaan.

Justeru, untuk menyedarkan rakyat, kita memerlukan satu pendekatan menyeluruh – pendidikan iklim di sekolah, kempen komuniti yang aktif, liputan media yang konsisten dan insentif bagi menggalakkan penggunaan tenaga bersih.

Kerajaan pula harus berani membuat pelaburan jangka panjang dan menetapkan dasar yang tegas serta telus. Isu tenaga bukan milik teknokrat atau pakar sahaja. Ia isu rakyat dan moral, dan ia ujian terhadap tanggungjawab kita semua sebagai khalifah di muka bumi ini.

* Datuk Dr Anis Yusal Yusoff ialah Pengarah Eksekutif di INPUMA & UM LEAD, Universiti Malaya. Beliau juga adalah Felo Utama di KITA, UKM dan pernah menjadi Presiden Institut Integriti Malaysia dan Timbalan Ketua Pengarah GIACC, JPM.